

13 AUG 1997

Bosnia-Perniagaan

DR MAHATHIR ANGGAP PERKONGSIAN M'SIA-BOSNIA SEBAGAI STRATEGIK

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Malaysia menyifatkan perkongsian dengan Bosnia dan Herzegovina sebagai strategik dan akan memastikan pembabitian ahli perniagaan dan modalnya di negara Balkan itu.

Menurut pengerusi bersama Majlis Menteri Bosnia and Herzegovina, Haris Silajdzic, perkara ini diberitahu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila mengunjungi beliau dan seorang lagi pengerusi bersama majlis, Boro Bosic, di sini hari ini.

"Dr Mahathir berkata beliau sendiri akan memastikan ahli perniagaan dan modal Malaysia terbabit di Bosnia and Herzegovina," kata Silajdzic pada persidangan media di akhir lawatan lima harinya ke Malaysia.

Silajdzic berkata beliau dan Bosic mengambil kesempatan itu untuk meminta Dr Mahathir mempermudah peraturan mengenai jaminan aktiviti perniagaan Malaysia di sana.

Silajdzic juga berkata mesej yang hendak disampaikan ialah perniagaan di Bosnia dan Herzegovina adalah selamat dan keadaan di negaranya berlainan dengan keadaan beberapa tahun lalu.

Beliau berkata negaranya mempunyai tenaga pekerja yang cukup mahir disamping kelebihan daripada segi teknologi dalam beberapa bidang dan boleh menjadi "jambatan" ke beberapa kawasan di Eropah.

"Dalam sektor tenaga, kami boleh menawarkan beberapa kemudahan yang telah musnah walaupun ia memerlukan modal awal," kata beliau.

Sementara itu, Bosic berkata kedua-dua mereka telah mengundang Dr Mahathir dan ahli perniagaan Malaysia melawat Bosnia dan Herzegovina secepat mungkin untuk meninjau peluang kerjasama di sana.

Mengenai keadaan di Bosnia, Silajdzic berkata tentera asing perlu berada di negara itu walaupun selepas 1998 iaitu tempoh bagi pengunduran tentera asing.

"Pada pendapat saya, adalah satu kesilapan untuk beryundur terlalu awal," kata beliau. Tentera NATO dijadual berundur dari Bosnia pada Jun tahun depan.

Beliau juga berkata Perjanjian Damai Dayton tidak lagi boleh dirundingkan dan kini tiba masanya untuk perjanjian itu dilaksanakan.

Dalam pada itu, Bosic berkata walaupun pelaksanaan perjanjian itu menghadapi masalah beliau melihat proses damai sebagai bergerak ke hadapan.

Dalam perkembangan lain, pengarah Majlis Perniagaan Malaysia Bosnia-Herzegovina, Abdul Rashid Abdul Ghani berkata perbincangan sedang berlangsung antara usahawan dari kedua-dua pihak dalam beberapa bidang seperti bank, pembinaan, perumahan, industri makanan dan pembuatan.

Beliau berkata ahli perniagaan Bosnia juga dipelawa menyertai projek berkaitan alam sekitar di Malaysia.

Abdul Rashid berkata juga harus mempergunakan tenaga pekerja mahir Bosnia dan Herzegovina.

Beliau menggesa syarikat-syarikat Malaysia menyertai projek sosial di negara Balkan itu seperti membina semula tempat beribadat yang musnah akibat perang. -- BERNAMA

MAM FAZ